



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI TERKINI MPOX DI MALAYSIA TERKAWAL

Putrajaya, 16 November 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan berkenaan satu (1) kluster baharu mpox melibatkan empat (4) kes sekeluarga. Kes (pesakit) indeks merupakan seorang lelaki bukan warganegara yang mempunyai sejarah perjalanan ke Afrika Barat.

Untuk makluman, pesakit mula bergejala pada 20 Oktober 2025 dan disahkan positif mpox (*Clade II*) pada 12 November 2025. Susulan pengesanan kes indeks, tiga (3) ahli keluarga serumah turut mula bergejala bermula 30 Oktober 2025 dan disahkan positif mpox (*Clade II*) pada 13 November 2025. Kesemua kes berada dalam keadaan stabil dan sedang menjalani pengasingan di rumah. Semua kontak rapat telah dikenal pasti, disaring, dan diarahkan menjalani pengasingan. **Sehingga kini, hasil siasatan mendapati penularan hanya terhad dalam kalangan ahli keluarga.** Situasi kluster adalah terkawal.

Mpox ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus *monkeypox*, iaitu spesis di bawah genus *Orthopoxvirus*. Gejala mpox ialah demam berserta ruam atau lepuh pada muka, tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan juga kornea. **Penularan mpox** berlaku terutamanya **melalui sentuhan rapat** dengan individu yang dijangkiti. Jangkitan boleh merebak apabila seseorang menyentuh ruam atau lepuh pada kulit pesakit, melalui hubungan seksual, atau melalui permukaan dan objek yang tercemar dengan cecair badan pesakit. Penyakit ini boleh menjadi lebih serius bagi kanak-kanak, wanita hamil, dan individu berimuniti rendah.

Bagi tahun 2025, sehingga Minggu Epidemiologi ke-46 (ME 46/2025), sebanyak 12 kes mpox telah dilaporkan. Jumlah kumulatif kes mpox di Malaysia adalah sebanyak 23 kes sejak kes pertama dikesan pada Julai 2023. Daripada keseluruhan kes tersebut, 22 kes adalah jangkitan mpox Clade II, manakala satu (1) kes melibatkan Clade Ib. **Kesemua kes berjaya dibendung melalui pengesanan awal, pengasingan pesakit, dan pemeriksaan kontak rapat, serta tiada penularan lanjut dikesan dalam komuniti.**

Memandangkan penularan mpox yang masih berlaku, terutamanya dalam kalangan individu yang mempunyai sejarah aktiviti berisiko, KKM **menyarankan agar orang ramai terus mengamalkan langkah pencegahan.** Ini termasuk **mengelakkan sentuhan langsung dengan individu yang bergejala atau disyaki dijangkiti mpox,** dan mendapatkan rawatan segera sekiranya bergejala seperti demam, ruam lepuh, serta bengkak kelenjar limfa, termasuk menjalani ujian sekiranya diarahkan oleh pegawai perubatan.

Walaupun status mpox sebagai *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) telah **diisytiharkan tamat pada 5 September 2025,** KKM akan terus memantau situasi mpox di dalam dan di luar negara dari semasa ke semasa, serta melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan secara berterusan. Kerjasama orang ramai dalam mematuhi nasihat kesihatan awam amatlah dihargai bagi memastikan penularan mpox dalam negara dapat dibendung.

- TAMAT -

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

